

02/08/2003

UKM mahu jadikan Ikon terbaik di rantau Asia Pasifik

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) mahu menjadikan Institut Kajian Oksidental (Ikon) sebagai institusi penyelidikan dan penerbitan terbaik dalam Pengajian Eropah di rantau Asia Pasifik.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Md Salleh Md Yassin, berkata UKM sudah mengenal pasti beberapa pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam sains politik, sosiologi, ekonomi, hubungan antarabangsa dan sejarah atau tamadun Barat untuk bertugas di Ikon.

Katanya, pensyarah berkenaan akan dilantik sebagai felo penyelidik di institut itu bagi menjalankan kajian, membenteng kertas kerja dan menerbitkan penyelidikannya.

Beliau berkata, Ikon akan menjadi tambahan kepada lima institut kecemerlangan sedia ada di UKM dan peranan penyelidik di institut baru itu sama dengan tugas felo di institut lain.

"Mereka akan menyelidik, menulis kertas kerja dan membenteng serta menerbitkan hasil kajian mengenai masyarakat Eropah agar kita dapat memahami budaya dan pemikiran Eropah secara lebih mendalam.

"Selain mengkaji masyarakat di Eropah Barat dan Eropah Timur, Ikon juga yang menyelidik pelbagai aspek masyarakat kulit putih di Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

"Dengan kepakaran di UKM dan dana yang mencukupi, kita yakin institut ini akan menjadi institusi penyelidikan Eropah terbaik di Asia Pasifik," katanya ketika dihubungi di Bandar Baru Bangi, Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan laporan akhbar bahawa Kementerian Pendidikan meluluskan penubuhan Ikon di UKM.

Penubuhan Ikon dicadangkan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Perhimpunan Agung Umno bulan lalu.

Selain Ikon, UKM mempunyai Institut Perubatan Molekul (Umbi), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Institut Tamadun dan Dunia Melayu (Atma)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektrik (Imen).

Menurut Dr Md Salleh, UKM juga sedang mengenal pasti pakar pengajian Eropah dari universiti lain di seluruh dunia untuk dilantik sebagai profesor pelawat di Ikon.

Katanya, UKM akan melantik pensyarahnya sebagai Pengarah Ikon dan kakitangan pentadbiran lain bagi memulakan pengurusan institut itu selepas mendapat surat kebenaran rasmi daripada Kementerian Pendidikan.

"Selepas beroperasi, pentadbiran Ikon akan mengumpulkan data mengenai profesor universiti lain di luar negara yang sudah menyelidik dalam mana-mana aspek pengajian Eropah.

"Jika sesuai, kita akan melantik mereka sebagai profesor pelawat di Ikon bagi mengadakan syarahan perdana dan menulis kertas kerja untuk diterbitkan di Ikon.

"Gabungan kepakaran tempatan dan pandangan profesor luar negara ini menjadikan penyelidikan Ikon lebih objektif," kata Dr Md Salleh.